

10 OCT 2003

OIC-Janakuasa/I

M'SIA SEMAKIN HAMPIR MENJADI PENERAJU BARU KENDERAAN ELEKTRIK

PUTRAJAYA, 10 Okt (Bernama) -- Malaysia semakin hampir menjadi peneraju baru dunia dalam teknologi kenderaan elektrik apabila InventQjaya Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan, akan mengadakan demonstrasi teknologi kenderaan elektriknya yang bersih esok.

Syarikat itu akan menjalankan uji pandu versi kenderaan hibrid konvensional yang telah diubahsuai itu ke Alor Star dan kembali semula sempena pelancaran rasmi makmalnya, usahasama antara kerajaan Malaysia dan Reveo Inc. dari Amerika Syarikat di Cyberjaya esok.

Ujian pandu ke atas MeVictory, kenderaan gabungan elektrik menggunakan janakuasa dengan bahan bakar logam itu akan dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Uji pandu di sekitar Cyberjaya semalam menyaksikan kenderaan itu berjaya meliputi 516km, memecahkan rekod Guinness World Record iaitu 344.67km yang dilakukan di New York oleh Reveo Inc.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif InventQjaya, Dr Sadeg Mustafa Faris, berkata pasukannya telah mengubah suai kenderaan hibrid konvensional itu dengan membuang enjin petrol asalnya dan menggantikannya dengan janakuasa yang menggunakan bahan bakar logam buatan Malaysia.

Janakuasa dengan bahan bakar logam itu yang dicaj dengan menggunakan bateri nikel-zink baru itu mempunyai nilai komersial, katanya kepada pemberita selepas menganjurkan jamuan tengah hari bagi peserta Persidangan Sains dan Teknologi sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Dr Faris berkata syarikat itu berhasrat untuk menjadikan MeVictory sebagai kenderaan elektrik hibrid pertama dipandu menggunakan janakuasa bahan bakar logam dan dicaj oleh bateri nikel-zink dan mengadakan demonstrasi pengisian semula bahan bakar sel logam dalam kenderaan elektrik.

Sekiranya berjaya, pencapaian ini akan dicatatkan dalam Guinness Book of World Records, katanya.

Janakuasa bahan bakar logam itu akan terlebih dahulu dipasarkan di Malaysia, terutamanya untuk bekalan elektrik di kawasan luar bandar, sebelum menjual inovasi itu di tempat lain, katanya.

-- BERNAMA

SM MKO JK RHM